



**APPGM-SDG**  
DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



PERSATUAN PROMOSI  
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI  
PPM-023-14-07012020



# LAPORAN AWAL

## Dasar SDG Peringkat Parlimen APPGM - SDG



**ALAM SEKITAR**

# Senarai Kehadiran

## **AHLI-AHLI PARLIMEN**

YB Puan Young Syefura Binti Othman (*P089 - Bentong*)

YB Puan Isnaraissah Munirah Binti Majilis @ Fakharudy (*P169 - Kota Belud*)

YB Dr. Hajah Halimah Binti Ali (*P109 - Kapar*)

YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Bin Abas (*P154 - Mersing*)

YB Tuan Haji Muhammad Fawwaz Bin Mohamad Jan (*P044 - Permatang Pauh*)

YB Chiew Choon Man (*P219 - Miri*)

## **PAKAR-PAKAR BIDANG**

Anthony Tan (*APPGM - SDG*)

Ahmad Afandi (*Institute Of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia*)

## **AHLI-AHLI KUMPULAN SIVIL**

Lavanya Rama Iyer (*Malaysian CSO-SDG Alliance*)

Nur Nuha Ismail (*URBANICE Malaysia*)

## PRAKATA

*YB Puan Isnaraissah Munirah Bt Majilis@Fakharudy  
Pengerusi APPGM-SDG*

*Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria  
Ketua Sekretariat APPGM-SDG*

Bagi pihak Jawatankuasa APPGM-SDG dan Sekretariat APPGM-SDG, prakata ini kami nukilkan bersama sempena pelancaran siri lapan Laporan Awal Dasar hasil daripada siri perbincangan kumpulan fokus dasar yang telah kami anjurkan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pihak-pihak berkepentingan yang lain pada tahun ini. Aktiviti ini julung-julung kali dijalankan oleh APPGM-SDG dan merupakan langkah ke hadapan yang penting dalam proses advokasi dasar kami yang telah berlangsung sejak tahun 2020.

Antara tahun 2020 dan 2024, kami telah menggunakan **lima strategi** dalam usaha untuk membangunkan pendekatan advokasi dasar yang berasaskan bukti dan analisa yang berpandukan dapatan dari peringkat akar umbi.

**Strategi pertama** adalah untuk memetakan keperluan sosioekonomi tempatan.<sup>1</sup> Bagi tujuan ini, kami telah menjalankan perbincangan bersama Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai dan agensi-agensi daerah. Kami telah menjalankan kerja lapangan dan perbincangan kumpulan fokus bersama komuniti-komuniti setempat untuk tempoh tiga ke empat hari.<sup>2</sup> Melalui gerak kerja ini kami telah mengenal pasti masalah utama dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar berpandukan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030. Selepas kerja lapangan, penyelidik APPGM-SDG telah menyediakan satu laporan pemetaan bagi kawasan parlimen tersebut. Para penyelidik juga telah berkongsi laporan tersebut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi kerajaan untuk pengesahan mereka bagi isu-isu yang telah dikenal pasti.<sup>3</sup> Daripada laporan-laporan telah disediakan, kami telah menerbitkan laporan analisis situasi pada tahun 2022 dan 2023.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

<sup>2</sup> APPGM SDG Annual Report 2022, Mapping local needs and field visits (page 23-24). <https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/2022%20-%20Laporan%20Tahunan%20APPGM-SDG.pdf>

<sup>3</sup> Realiti Akar Umbi (Jilid 1-5), [https://appgm-sdg.com/resource\\_library/](https://appgm-sdg.com/resource_library/)

<sup>4</sup> Three publications. (1) Localising SDGs and Local Issues (2022), (2) Localising SDGs and Grassroots Concerns of six vulnerable groups in Malaysia (2023) and (3) SDGs and Grassroots Realities: Seven community case studies in Malaysia (2023). [https://appgm-sdg.com/resource\\_library/](https://appgm-sdg.com/resource_library/)

**Strategi kedua** adalah menyediakan laporan semakan yang komprehensif untuk isu-isu yang telah dipetakan merentasi 85 kawasan parlimen (2020-2023).<sup>5</sup> Aktiviti ini telah dilaksanakan oleh Dr. Teo Sue Ann dan beliau telah mengkategorikan isu-isu tersebut kepada 26 isu-isu tematik<sup>6</sup> di bawah tajuk-tajuk ekonomi, sosial dan alam sekitar.

**Strategi ketiga** adalah menganjurkan lima siri Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar Parlimen APGM-SDG di Parlimen Malaysia di mana kami telah mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk meneliti dapatan kami<sup>7</sup> berkenaan tema kemiskinan, kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 bersempena dengan persidangan parlimen pertama. Kami telah menjemput Ahli-ahli Parlimen untuk mempengerusikan siri perbincangan tersebut diiringi oleh pembentangan isu yang dikendalikan oleh pegawai Sekretariat daripada MySDG Center for Social Inclusion (MySDG-CSI) dan dibantu oleh pakar-pakar bidang yang telah dilantik oleh pihak kami. Siri perbincangan tersebut telah mendapat sambutan yang baik daripada Ahli-ahli Parlimen.

**Strategi keempat** adalah mengadakan sesi dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan. Pihak Sekretariat juga telah menganjurkan beberapa sesi pra-dialog bersama Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi secara berasingan untuk mendapatkan sokongan bagi proses perbincangan ini yang bertujuan untuk mencari persefahaman yang lebih baik dan solusi dasar dan legislatif bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit.

Dalam konteks ini, satu siri yang merangkumi lapan perbincangan kumpulan fokus telah dijalankan antara 2hb dan 18hb Julai 2024 semasa sesi persidangan parlimen. Lapan isu tematik yang telah dibincangkan adalah kemiskinan (Semenanjung, Sabah, Sarawak dan pulau-pulau kecil), kebajikan, keterjaminan makanan, alam sekitar dan tiada kewarganegaraan<sup>8</sup>. Kami telah menerima sokongan yang baik daripada agensi-agensi yang terlibat termasuk maklum balas terhadap keperluan dan kebimbangan yang telah diketengahkan. Pihak Sekretariat juga telah menjalankan sesi perbincangan lanjut dengan Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi yang relevan.

<sup>5</sup> APPGM SDG 2023 Annual Report, (pages 6-7).  
<https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%20Laporan%20Tahunan%202023-compressed.pdf>

<sup>6</sup> Thematic issues from qualitative findings (Page 39-50)  
<https://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/LAPORAN%20KRPPM/APPGM%20SDG%202023%20Annual%20Report-compressed.pdf>

<sup>7</sup> Five Kertas Persediaan Ringkasan Dasar (poverty, welfare, food security, environment and statelessness) was prepared by the MySDG Centre for Social Inclusion

<sup>8</sup> Membina Daya Tahan Daripada Penerima Manfaat Kepada Juara SDG. APPGM-SDG July 2024 Report  
<https://appgm-sdg.com/buletin-julai-2024/>

**Strategi kelima** adalah menulis lapan Laporan Awal Dasar yang telah disebutkan di atas dan melancarkan laporan-laporan tersebut pada 15hb Oktober 2024 serta menganjurkan perbincangan lanjutan untuk memurnikan dokumen-dokumen tersebut. Pegawai-pegawai Sekretariat di MySDG-CSI telah bekerja keras untuk menyediakan analisis yang komprehensif di dalam kesemua laporan tersebut. Mereka telah berhubung secara rapat dengan Ahli-ahli Parlimen yang berkaitan dalam proses untuk meneliti kandungan laporan-laporan tersebut dan mengambil maklum balas Ahli-ahli Parlimen. Kami melihat laporan-laporan tersebut sebagai dokumen kerja (*working document*) yang masih memerlukan dialog berterusan dan penambahbaikan dari segi analisis dan cadangan-cadangan dasar.

Kami akan melengkapkan proses advokasi dasar ini pada masa yang terdekat dan mengetengahkan dapatan kami kepada kerajaan sebagai input terhadap proses rancangan dan penggubalan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Kami juga dalam proses untuk menyediakan dokumen *Voluntary Parliamentary Review* (VPR) bagi SDG (2020-2024) sebagai kajian bebas APPGM-SDG berkenaan penyetempatan agenda SDG di Malaysia. VPR ini akan tersedia menjelang sesi *High Level Political Forum on SDGs* yang akan dianjurkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) di New York antara 14hb dan 24hb Julai 2025, di mana Malaysia akan membentangkan *Voluntary Nasional Review* (VNR) buat kali ketiga.

Di APPGM-SDG, kami menganggap bahawa perbincangan yang telah berlangsung dalam proses advokasi dasar dan juga lapan Laporan Awal Dasar kami sebagai sumbangan penting Ahli-ahli Parlimen di peringkat dasar yang makro, di samping usaha kami untuk menyetempatan SDG di peringkat mikro melalui projek-projek solusi mikro-SDG dan kebun komuniti.

Kami juga mengakui kepentingan kolaborasi secara pelbagai pihak antara Ahli-ahli Parlimen secara dwipartisan dan agensi-agensi kerajaan di semua peringkat (persekutuan, negeri, daerah, dan kerajaan tempatan), ahli-ahli akademik, masyarakat sivil, sektor swasta serta masyarakat akar umbi. Proses konsultatif dan kolaboratif ini adalah sangat mustahak. Proses bawah ke atas (*bottom-up approach*) dari peringkat akar umbi ke peringkat lebih tinggi serta proses atas ke bawah (*top-down approach*) dari peringkat nasional ke peringkat bawah adalah kunci kepada penemuan penyelesaian yang mampan untuk isu-isu akar umbi yang kompleks.

Kami juga yakin bahawa perlu ada tekad politik (*political will*) dalam mencari konsensus untuk menangani kebimbangan masyarakat di peringkat akar umbi. Kita perlu membina konsensus dwipartisan dalam kita mencari penyelesaian untuk isu-isu yang berbangkit. APPGM-SDG menyediakan ruang bagi tujuan ini melalui penyertaan Ahli-ahli Parlimen

daripada parti-parti kerajaan dan parti-parti pembangkang. Oleh kerana mereka adalah wakil pilihan rakyat, kita perlu membina sinergi dan kerjasama yang lebih erat di antara mereka melalui agenda SDG bagi memastikan tiada sesiapa atau komuniti yang ditinggalkan di Malaysia.

Kami ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam proses advokasi dasar kami ini, semua kakitangan Sekretariat terutamanya kakitangan MySDG-CSI, pakar-pakar bidang, dan semua agensi kerajaan yang telah menyertai sesi perbincangan dan memberikan maklum balas yang amat berharga.

Adalah menjadi harapan kami bahawa kita akan dapat melangkah lebih jauh ke depan melalui lapan siri Laporan Awal Dasar ini. Kami juga berharap laporan-laporan ini akan menjadi bahan rujukan dan analisis yang berguna kepada pembaca. Kami juga mengalu-alukan maklum balas dan cadangan daripada pembaca, yang boleh dipanjangkan kepada kakitangan Sekretariat.

## **KATA ALUAN**

*Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman  
Ahli Parlimen P089 - Bentong*

Terdahulu ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menyediakan laporan ini, yang merangkumkan dapatan, kajian dan maklum balas daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti ahli-ahli Parlimen, kementerian, agensi kerajaan, pakar-pakar dalam bidang serta pertubuhan masyarakat sivil yang bertujuan untuk menangani isu-isu alam sekitar secara menyeluruh di seluruh negara. Ia melambangkan komitmen kita untuk menjamin masa depan yang lestari, dalam memastikan pembangunan masyarakat yang mesra alam dan berdaya tahan.

Laporan ini memberi penegasan kepada 6 tema utama, termasuk pengurusan risiko banjir, bahaya geologi dan iklim, pencemaran alam sekitar, pengurusan sisa sampah, sumber air dan sanitasi, serta konflik manusia dan hidupan liar. Selain mempunyai kesan yang besar dalam memastikan negara kita mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), isu-isu yang dibentangkan dalam laporan ini sangat berkait rapat dengan pengalaman dan masalah yang dihadapi di peringkat akar umbi. Sehubungan itu, laporan ini menjadi asas kepada cadangan-cadangan dasar yang lebih berfokus dan inklusif, yang boleh menjadi panduan untuk kajian lanjut dalam menangani permasalahan yang dibangkitkan.

Selain itu, kita juga dapat memahami dengan lebih mendalam risiko dan cabaran yang dihadapi oleh golongan rentan seperti petani, nelayan, masyarakat Orang Asli yang akan teruk terjejas sekiranya berlaku bencana luar jangka dan juga kesan daripada kelemahan perancangan dan persediaan untuk menjalankan kerja-kerja mitigasi lebih awal. Melalui pelbagai sesi libat urus, kita telah merumuskan pelbagai cadangan yang praktikal untuk menangani isu-isu tersebut, termasuk memperkukuhkan tadbir urus, meningkatkan keupayaan pembiayaan, serta memperkasakan perundangan berkaitan alam sekitar.

Semoga dengan sokongan dan iltizam yang tinggi daripada semua pihak, kita dapat memastikan keberhasilan tindakan daripada laporan yang telah dibentangkan untuk mencapai keseimbangan yang mampan antara pembangunan ekonomi dan kelestarian alam sekitar.

*15hb Oktober, 2024  
Bentong (P.089)  
Parlimen Malaysia*

## KATA PENGENALAN

*Dr. Teo Sue Ann*

*Pengarah MySDG Center for Social Inclusion, APPGM-SDG*

Sejak tahun 2020, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM-SDG) telah berusaha bertungkus-lumus untuk menyetempatan 17 Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di seluruh Malaysia. Hingga ke tahun 2023, para penyelidik APPGM-SDG telah memeta isu di 85 dari 222 kawasan parlimen di seluruh negara. Dengan isu-isu yang telah diperolehi, APPGM-SDG telah memulakan advokasi dasar SDG melalui *MySDG Centre for Social Inclusion* (MySDG-CSI).

Daripada isu-isu yang telah dipetakan, kami mendapati lima tema paling menonjol, iaitu kemiskinan, kebajikan, alam sekitar, keterjaminan makanan, dan tiada kewarganegaraan. Walaupun kami telah mengumpulkan data-data kualitatif untuk lima tema tersebut, kami mendapati bahawa isu-isu yang telah dicatatkan adalah berbeza apabila dianalisis secara mendalam disebabkan oleh: latar belakang komuniti yang berlainan; wilayah dan lokasi yang berbeza; kadang-kala juga disebabkan oleh hubungan politik; dan cara kehidupan komuniti tempatan yang berbeza. Namun, apabila kami menganalisa isu-isu ini daripada segi makro, kami telah mendapati bahawa terdapat suatu corak persamaan yang muncul daripada data-data tersebut.

Yang lagi pentingnya, adalah bahawa data-data yang telah dikumpulkan oleh para penyelidik APPGM-SDG adalah bersifat kualitatif. Melalui data-data ini, kami dapat menghayati isu-isu yang telah dialami oleh komuni-komuniti di akar umbi melalui perkongsian naratif mereka. Data-data kualitatif ini telah membolehkan kami untuk menelidikan isu-isu tempatan secara makro dan mikro. Ini menjadi suatu dorongan yang penting untuk pihak kami bekerjasama dengan Ahli-ahli Parlimen dalam gerak kerja advokasi dasar APPGM-SDG.

Ahli-ahli Parlimen adalah wakil rakyat yang penting dan mereka yang sering berhadapan dengan komuniti-komuniti yang memerlukan bantuan. Dengan itu, siri perbincangan pertama yang telah dijalankan antara 29hb Februari dan 21 Mac 2024 dibuktikan penting tidak sahaja sebagai suatu peluang kepada Ahli-ahli Parlimen yang rentas parti politik berlainan untuk membincangkan isu-isu yang sedang dan telah berlaku di kawasan-kawasan parlimen masing-masing. Dalam sesi tersebut, mereka juga dapat mengetepikan agenda politik parti masing-masing dan mendapat kesedaran bahawa isu yang sama juga berlaku di kawasan-kawasan parlimen selain dari kawasan yang diwakili oleh mereka.



Daripada lima sesi perbincangan tersebut, terdapat tiga keputusan penting yang telah dipersetujui oleh para Ahli-ahli Parlimen yang hadir. Pertamanya, penyertaan daripada pihak kementerian kerajaan sebagai salah satu pihak berkepentingan dalam proses ini adalah diperlukan. Maklum balas daripada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab untuk menyediakan dasar pembangunan negara adalah mustahak dalam perbincangan isu-isu tempatan di kawasan parlimen. Dengan itu, kami telah berusaha untuk menjemput dan mendapatkan penyertaan kementerian dalam sesi perbincangan kedua yang telah berlangsung antara 2hb dan 18hb Julai 2024.

Keputusan kedua yang telah dipersetujui oleh Ahli-ahli Parlimen adalah memisahkan tema kemiskinan yang dikatakan terlalu luas. Jikalau perbincangan diteruskan untuk sesi seterusnya dengan merangkumi semua kawasan di Malaysia, komuniti-komuniti yang tinggal di pulau-pulau kecil, keadaan kemiskinan di wilayah Sabah dan Sarawak masing-masing tidak akan mendapat tumpuan yang memadai dalam perbincangan tersebut. Justeru, bagi memastikan perbincangan yang lebih menyeluruh MySDG-CSI telah menjalankan sesi perbincangan di Sabah dan Sarawak masing-masing, bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan wakil kementerian di peringkat wilayah. Siri perbincangan tersebut telah berjaya dijalankan dengan sokongan dan kerjasama *Institute for Development Studies* (IDS) di Sabah, dan *Economic Planning Unit* di Sarawak.

Keputusan yang ketiga adalah supaya perbincangan bertema keterjaminan makanan dipisahkan kepada dua sesi yang bertumpu kepada pertanian dan penternakan sebagai satu sesi, serta perikanan sebagai satu sesi yang lain. Sebab untuk pemisahan ini adalah sama seperti untuk tema kemiskinan. Isu-isu yang diperolehi untuk kedua-dua lapangan tersebut adalah berbeza dan para Ahli Parlimen juga memberi tumpuan yang lebih mendalam untuk setiap tema rinci yang penting ini.

Secara keseluruhannya, proses advokasi ini dipimpin oleh penyertaan dan cadangan daripada Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil Kementerian. Suatu pemerhatian yang signifikan adalah bahawa kedua-dua pihak yang berkepentingan ini telah bersetuju bahawa kerjasama yang erat adalah sangat penting untuk memastikan suatu bentuk institusi kerajaan yang kukuh demi mencapai bukan sahaja SDG 16 tetapi semua SDG yang lain yang saling berkait rapat.

Hasil daripada sesi-sesi perbincangan ini menjangkau lebih daripada apa yang telah kami jangkakan. Satu pencapaian yang penting adalah penghasilan lapan Laporan Awal Dasar SDG yang bertemakan Kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Pulau-pulau kecil, Kebajikan, Keterjaminan Makanan, Alam Sekitar dan Tiada Kewarganegaraan. Laporan-laporan awal ini akan menjadi teras kepada usaha advokasi dasar kami yang seterusnya pada tahun 2025 bagi menjalinkan kerjasama dengan lebih ramai pihak yang

berkepentingan seperti kerajaan di peringkat wilayah, negeri dan daerah, masyarakat sivil (CSO), badan-badan pemikir dan ahli-ahli akademik. Di samping itu, menerusi siri perbincangan ini, kami telah berjaya menjalinkan kerjasama erat bersama dengan pelbagai kementerian.

Dengan itu, proses polisi advokasi MySDG-CSI telah berjaya mencapai objektifnya, iaitu mengukuhkan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan dalam proses penyetempatan SDG melalui APPGM-SDG. Walaupun siri perbincangan ini berupa lambang kepada langkah permulaan dalam usaha advokasi dasar yang mampan, ia telah menyumbang kepada daya gerak Kerajaan Malaysia dalam usaha mencapai agenda SDG menjelang 2030.

# Kandungan

<b>RINGKASAN EKSEKUTIF .....</b>	<b>1</b>
<b>1. LATAR BELAKANG.....</b>	<b>4</b>
<b>2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR ALAM SEKITAR.....</b>	<b>6</b>
<b>OLEH APPGM-SDG .....</b>	<b>6</b>
2.1 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Pertama, 14hb Mac 2024	7
2.2 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 9hb Julai 2024	8
<b>3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN AHLI PARLIMEN .....</b>	<b>11</b>
3.1 Pencemaran Alam Sekitar dan Sampah Sarap	11
3.2 Pengurusan Risiko Banjir	13
3.3 Konflik Manusia-Hidupan Liar	14
<b>4. CADANGAN DASAR DAN JALAN KE DEPAN.....</b>	<b>15</b>
4.1 Tadbir Urus dan Kolaborasi Agensi	15
4.2 Pembiayaan	16
4.3 Penjadualan Kerja Pembersihan, Garis Panduan Bantuan dan Keckerapan Pengawasan Sungai yang lebih Baik	17
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>18</b>
<b>LAMPIRAN 1: RANGKUMAN ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, CADANGAN</b>	<b>19</b>
<b>LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA – 14hb Mac 2014.....</b>	<b>32</b>
<b>LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN, JABATAN, AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA – 9hb Julai 2024.....</b>	<b>32</b>

## RINGKASAN EKSEKUTIF

*Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Lestari* (APPGM-SDG) ditubuhkan pada 2019 untuk menyetempatkan agenda pembangunan lestari di peringkat Parlimen dan tempatan. Dari tahun 2020 hingga 2023, mereka menjalankan kajian lapangan di 85 kawasan Parlimen di Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak untuk mengenal pasti isu-isu setempat berdasarkan kerangka SDG dan memanjangkan isu-isu tersebut ke peringkat Parlimen untuk memperkukuhkan pembentukan dasar-dasar negara dan penyampaian pembangunan bagi memastikan tiada yang tercicir. Berdasarkan kajian tersebut, pasukan APPGM-SDG telah mengupas pelbagai isu utama alam sekitar.

Isu-isu ini diperolehi melalui proses libat urus dan perbincangan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Pihak-pihak ini terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen, wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan, pakar bidang dan nara sumber, dan juga wakil-wakil organisasi sivil. Proses ini merangkumi dua sesi perbincangan fokus dasar.

Sesi yang pertama dijalankan pada 14hb Mac, 2024 di Bangunan Parlimen, dan disertai oleh Ahli-ahli Parlimen, wakil-wakil organisasi masyarakat sivil, pakar-pakar bidang, dan juga pasukan MySDG-CSI dan APPGM-SDG secara umumnya. Melalui sesi, 8 isu tema atau isu diketengahkan, iaitu: banjir tengkujuh, sistem perparitan, pengurusan sampah, pencemaran air, konflik hidupan liar, bekalan air, masalah denggi dan perubahan iklim.

Sesi yang kedua dijalankan pada 9hb Julai, 2024 di Bangunan Parlimen, dan disertai Ahli-ahli Parlimen, wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan Persekutuan, pakar-pakar bidang, dan pasukan MySDG-CSI dan APPGM-SDG. Di sesi ini, isu-isu yang ditempatkan mengikut 6 tema utama telah dikenal pasti dan dibicarakan secara lanjut oleh setiap pihak yang hadir. Rangkuman tema-tema dan isu-isu berkait ini dan penjelasannya adalah seperti berikut:

**Pengurusan risiko banjir.** Banjir sering melanda kawasan parlimen APPGM-SDG, terutamanya di Pahang, Kelantan, Terengganu, dan Perak, kebanyakannya adalah banjir kilat dan banjir musim tengkujuh. Faktor utama yang meningkatkan risiko banjir termasuk perubahan iklim, sistem saliran yang tidak berkesan, lokasi geografi, kesan projek pembangunan dan penebangan hutan. Banjir menyebabkan kerosakan harta benda, kehilangan pendapatan, dan masalah kesihatan, terutama bagi golongan rentan seperti petani dan warga emas.

**Bahaya geologi dan iklim.** Penduduk di 25 kawasan Parlimen menghadapi ancaman iklim dan bahaya geologi seperti banjir, kemarau, kenaikan paras laut, dan kebakaran.

Perubahan cuaca yang mendadak, termasuk ribut dan hujan lebat, turut mengganggu kehidupan. Petani dan nelayan terjejas, dengan penurunan hasil pertanian dan kerosakan sangkar ikan. Kenaikan paras laut juga menyebabkan kehilangan tanah di kawasan persisiran pantai. Bahaya geologi seperti tanah runtuh dan hakisan sering berlaku di kawasan berisiko tinggi seperti cerun dan tebing sungai.

**Pencemaran alam sekitar.** Penduduk di 75 lokasi dalam 33 kawasan Parlimen APPGM-SDG menghadapi pencemaran alam sekitar yang menjejaskan kehidupan, kesihatan, dan keselamatan mereka, terutama di kawasan berhampiran tapak industri. Lebih daripada separuh kes pencemaran melibatkan sungai yang tercemar oleh sisa industri dan sampah seperti di Merbok, Tampin, Sungai Petani, dan Kepala Batas. Kawasan tanpa sistem pengurusan sampah yang baik, seperti Jerlun dan Beaufort, serta kawasan berhampiran ladang ternakan, seperti Kepala Batas dan Jelebu, turut terkesan. Kawasan perindustrian bersebelahan dengan perumahan, seperti di Kuala Langat, menimbulkan masalah kesihatan awam. Antara golongan rentan yang paling teruk terjejas adalah petani, nelayan, penternak ikan, Orang Asli dan kanak-kanak.

**Pengurusan sisa sampah.** Sebanyak 70 lokasi di 44 kawasan Parlimen APPGM-SDG mengalami masalah pembuangan sampah akibat kelemahan mekanisme, pentadbiran, dan infrastruktur pengurusan sampah. Kebanyakan kawasan luar bandar dan perkampungan seperti di Sabah, Sarawak, Perak, dan Selangor tidak mempunyai sistem pemungutan sampah yang sistematik kerana kebanyakannya berada di luar kawasan pencuciaan PBT. Di bandar kawasan seperti PPR dan setinggan, kekurangan infrastruktur dan kesedaran sivik memburukkan masalah ini.

**Sumber air dan sanitasi.** Lebih dari 75 lokasi di 45 kawasan Parlimen APPGM-SDG menghadapi cabaran memperoleh bekalan air bersih yang mencukupi untuk kegunaan harian, terutamanya di kawasan luar bandar. Ini memberi kesan kepada ekonomi tempatan, sosial dan kesihatan awam. Antara punca-punca yang dikenal pasti adalah ketiadaan sistem bekalan air yang khusus dan juga tekanan air yang lemah disebabkan masalah teknikal seperti kebocoran paip, masalah penyelenggaraan loji rawatan, dan infrastruktur paip yang usang. Penduduk di kawasan terjejas terpaksa bergantung kepada sumber air alternatif seperti sungai, telaga tiub, mata air, dan air hujan, walaupun banyak sumber ini tidak selamat digunakan kerana ianya tidak dirawat dan sering terancam oleh pencemaran dan kemarau.

**Konflik hidupan liar dan kemerosotan habitat.** Penduduk melaporkan peningkatan kes konflik manusia-hidupan liar dari tahun 2020 hingga 2023. Konflik ini sering melibatkan mamalia kecil seperti kera dan babi hutan yang masuk ke kawasan perumahan, perladangan, dan pertanian untuk mencari makanan dan segelintir juga

melibatkan mamalia besar yang terancam seperti gajah, harimau dan tapir. Faktor-faktor utama yang menyumbang kepada konflik ini termasuk pengurusan sisa pepejal yang kurang berkesan dan kemerosotan habitat semula jadi. Konflik ini memberi kesan terhadap petani, pesawah, penternak, dan nelayan dengan merosakkan hasil tanaman dan ternakan. Jabatan PERHILITAN menghadapi kekangan untuk menangani kes-kes yang berlaku disebabkan kekurangan kapasiti, dana, dan peralatan yang diperlukan.

Bagi menangani isu-isu yang dibicarakan dalam proses libat urus yang telah dijalankan, Ahli-Ahli Parlimen yang terlibat telah mengajukan langkah pembaharuan dan cadangan-cadangan berikut:

**Tadbir Urus dan Kerjasama Agensi.** Penubuhan jawatankuasa khas yang rentas antara agensi negeri. Jawatankuasa seperti contohnya jawatankuasa lembangan sungai (*river basin committee*), dicadangkan untuk ditubuhkan. Ia berfungsi untuk mengawal selia pembangunan dan pencemaran mengikut pendekatan keseluruhan kerajaan (*whole of government*), dan untuk memastikan pengurusan yang lebih berkesan.

**Perundangan dan Perancangan Pembangunan.** Menyelaraskan dan mewujudkan punca kuasa serta kuasa tambahan dalam akta-akta berkaitan alam sekitar. Contoh seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Perikanan 1985. Ini bagi memastikan adanya keserasian dan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang yang bertumpu kepada alam sekitar.

**Pembiayaan.** Mencadangkan supaya langkah-langkah diambil bagi memperkukuhkan struktur insentif bagi kerajaan negeri untuk melindungi dan memulihkan Kawasan Sensitif Alam Sekitar. Inisiatif ini dapat diambil dengan pelaksanaan penambahbaikan mekanisme sedia ada, penggubalan dan pembentukan asas perundangan dan institusi skim Pemindahan Fiskal Ekologi (EFT).


**Pembaharuan spesifik dan berasaskan keperluan tempatan.** Beberapa cadangan khusus dan bersifat akar umbi juga diberikan. Ini termasuk: penjadualan kerja pembersihan yang lebih kerap; garis panduan bantuan tabung bencana yang lebih jelas; dan penubuhan tabung bantuan konflik hidupan liar yang lebih meluas; dan kekerapan pengawasan sungai yang lebih tinggi.

## 1. LATAR BELAKANG

Laporan dasar ini merupakan hasil daripada inisiatif advokasi dasar Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) pada tahun 2024. Inisiatif ini bertujuan untuk memajukan isu-isu setempat yang telah dipetakan merentasi 85 kawasan Parlimen di Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak antara tahun 2020 hingga 2023 ke peringkat Parlimen.

Matlamat utama inisiatif ini adalah untuk menghasilkan cadangan dasar yang tuntas, dengan mempertimbangkan pandangan pelbagai pihak, bagi memperkukuhkan dasar-dasar negara untuk memastikan penyampaian pembangunan yang lebih lancar dan tiada siapa yang tercicir. Maka, intipati termasuk cadangan-cadangan yang diutarakan dalam laporan ini telah dirumuskan berdasarkan perbincangan bersama pelbagai pemegang taruh; termasuk ahli-ahli Dewan Rakyat, wakil kementerian dan agensi kerajaan, pasukan penyelidik APPGM-SDG dan pakar-pakar bidang.

Alam sekitar dan ekosistem semula jadi telah dikenal pasti sebagai tunggak kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari yang membentuk asas kepada pencapaian matlamat-matlamat SDG yang lain dan sekaligus menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat (rujuk **Rajah 1**). Antara kumpulan yang paling terjejas daripada isu alam sekitar adalah golongan rentan seperti petani, penternak, nelayan, masyarakat Orang Asli, penduduk yang mendiami kawasan berisiko tinggi, golongan miskin tegar dan kanak-kanak.



**Rajah 1:** Ilustrasi perkaitan antara aspek ekonomi, kemasyarakatan dan ekologi di dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs); ia menunjukkan bahawa sistem sosio-ekonomi adalah sebahagian daripada biosfera dan alam semula jadi, maka mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadapnya untuk terus berfungsi dengan baik.

*Sumber: Stockholm Resilience Centre*

Laporan ini merangkumkan proses advokasi dasar untuk isu-isu berkaitan alam sekitar yang telah dibawa kepada perhatian Ahli-ahli Parlimen Malaysia dan agensi-agensi kerajaan serta cadangan-cadangan untuk penambahbaikan dasar kerajaan hasil daripada libat urus antara pihak-pihak tersebut yang telah dimudahcarakan oleh APPGM-SDG. Objektif utama proses advokasi dasar ini adalah untuk mencari penyelesaian kepada isu-isu yang berbangkit secara bersama dan dwi-partisan. Secara keseluruhan, proses ini telah membawa suara pihak berkepentingan merangkumi masyarakat akar umbi yang terkesan, wakil rakyat dan penggubal dan pelaksana dasar untuk




membincangkan isu-isu yang masih berbangkit di peringkat akar umbi dan mencari solusi yang berkesan dan mampan secara bersama.

## 2. PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DASAR ALAM SEKITAR OLEH APPGM-SDG

Berpandukan hasil penyelidikan dan pemetaan isu yang dijalankan dari tahun 2020 hingga 2023, pihak APPGM-SDG telah menganjurkan dua sesi libat urus utama pada tahun 2024:

1. **Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) pada 14hb Mac 2024** yang melibatkan Ahli-ahli Parlimen, pasukan penyelidik APPGM-SDG, pakar-pakar bidang dan wakil daripada organisasi masyarakat sivil (CSO) sebagai perbincangan awal untuk menentukan skop dan cadangan awal.
2. **Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) berbentuk meja bulat (*policy roundtable*) pada 9hb Julai 2024** yang melibatkan Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil daripada kementerian dan agensi kerajaan, khususnya untuk memperolehi maklum balas agensi kerajaan berkenaan isu-isu yang dikenal pasti dan untuk mengutarakan cadangan dasar.

Perbincangan tersebut juga disusuli dengan sesi khas bersama wakil daripada CSO untuk mendapatkan pandangan mereka dalam penyediaan kertas ini. Aliran proses ini telah diringkaskan di dalam **Rajah 2**.



**Rajah 2:** Aliran Proses Penyediaan Laporan Dasar

Dalam konteks pembentukan dasar, proses ini adalah mustahak. Pertama, ia mengangkat isu-isu alam sekitar di peringkat akar umbi kepada peringkat Parlimen untuk dibahaskan oleh Ahli Dewan Rakyat secara dwi-partisan. Ini penting kerana wacana dasar alam sekitar di peringkat nasional lazimnya berunsur abstrak, *'high level'* dan *'mainstream'* yang selalunya dikaitkan dengan komitmen antarabangsa, sasaran dasar nasional serta isu-isu strategik seperti sifar karbon dan peralihan tenaga, yang tidak mencerminkan realiti kehidupan penduduk setempat, terutamanya golongan rentan.

Kedua, proses ini, yang dimudahcarakan oleh *MySDG Center for Social Inclusion*, unit kajian dan dasar APPGM-SDG, membawa bersama Ahli-ahli Parlimen dan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan yang terbabit untuk berbincang dan memperolehi maklum balas secara langsung. Keadaan sebegini jarang berlaku dalam proses pembuatan dasar di Malaysia. Satu kepentingan proses ini adalah penglibatan Ahli-ahli Parlimen secara dwi-partisan dan tanpa mengira parti atau gabungan mereka dalam perbincangan ini. Ahli-ahli Parlimen yang terlibat termasuk mereka yang mewakili kawasan-kawasan yang sudah menyertai proses penyetempatan SDG bersama dengan sekretariat APPGM-SDG dan sudi berusaha bersama bagi mencari jalan penyelesaian terhadap isu-isu yang dihadapi oleh rakyat di tingkat akar umbi.

## 2.1 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Pertama,

o 14hb Mac 2024

Perbincangan pada 14hb Mac 2024 yang telah dipengerusikan oleh YB Puan Young Syefura binti Othman (Bentong) melibatkan perbincangan menentukan isu-isu alam sekitar yang utama. Ahli-ahli Parlimen yang hadir juga telah mencadangkan agensi-agensi kerajaan untuk proses libat urus dan cadangan awal.

Lapan isu telah dihuraikan dalam sesi ini:

1. Banjir yang sering berlaku pada musim tengkujuh
2. Sistem perparitan yang tidak di selenggara secara konsisten menyebabkan air tersumbat dan banjir
3. Pengurusan dan pembuangan sampah
4. Pencemaran air sungai yang menjejaskan kehidupan dalam air dan kualiti air
5. Gangguan binatang liar
6. Masalah saluran dan kualiti air untuk kegunaan harian
7. Kes penyakit denggi akibat kawasan persekitaran yang kotor
8. Perubahan iklim yang dirasakan oleh warga rakyat

Huraian untuk setiap isu di atas boleh dirujuk di dalam **Lampiran 1.1**.

Isu dan kekangan utama yang telah dikenal pasti oleh Ahli-ahli Parlimen yang hadir adalah pengagihan kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri dalam hal ehwal sumber asli, tanah dan hutan yang menyebabkan tadbir urus alam sekitar yang kurang berkesan (rujuk **Lampiran 2** untuk senarai kehadiran Ahli-ahli Parlimen). Terdapat persepakatan dalam sesi ini bahawa sokongan daripada kedua-dua pihak adalah kritikal dalam pelaksanaan SDG. Contohnya, pencemaran (SDG 12) dan kemusnahan habitat bakau (SDG 15) boleh menjejaskan sumber perikanan (SDG 14) yang membawa implikasi terhadap keterjaminan makanan (SDG 2) di mana ianya adalah tanggungjawab kerajaan pusat. Kerosotan habitat dan proses penebangan hutan (*deforestation*) juga boleh menjejaskan aspirasi sifar karbon negara menjelang tahun 2050 memandangkan kawasan hutan negara menyerap sekurang-kurangnya 65 peratus daripada gas rumah kaca yang dilepaskan setiap tahun di Malaysia (Government of Malaysia, 2022).

Antara cadangan awal adalah memperkasakan mekanisme Pemindahan Fiskal Ekologi (EFT) di peringkat negeri, menggiatkan penanaman hutan bakau dan mewajibkan penggunaan sistem rawatan air bersepadu.

## 2.2 Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus Dasar (FGD) Kedua, 9hb Julai 2024

Sesi FGD kedua telah dijalankan pada 9hb Julai 2024 dan dipengerusikan secara bersama oleh YB Tuan Chiew Choon Man (Miri) dan YB Puan Young Syefura Binti Othman (Bentong). Ahli-ahli Parlimen telah mengajukan supaya kementerian dan agensi yang hadir pada mesyuarat tersebut berkongsi berkenaan peranan dan bidang kuasa agensi, langkah-langkah yang dijalankan dan kekangan yang dialami (rujuk **Lampiran 3** untuk senarai kehadiran Ahli-ahli Parlimen dan agensi-agensi kerajaan).

Disebabkan skop alam sekitar yang luas, isu-isu yang dibincangkan dalam sesi FGD pertama telah digabung dan diatur mengikut enam tema khusus, iaitu:

1. **Pengurusan risiko banjir:** Bencana banjir sering melanda kawasan parlimen terutamanya di Pahang, Kelantan, Terengganu, dan Perak, di mana kebanyakannya adalah banjir kilat dan banjir musim tengkujuh. Faktor utama yang meningkatkan risiko banjir termasuk perubahan iklim, sistem saliran yang tidak berkesan, lokasi geografi, kesan projek pembangunan dan penebangan hutan yang tidak terkawal. Kesan banjir kepada penduduk adalah meluas, meliputi kerosakan harta benda, kehilangan pendapatan, dan masalah kesihatan, terutama bagi golongan rentan seperti petani, warga emas, masyarakat Orang Asli dan orang kurang upaya. Penduduk mencadangkan penyelenggaraan sistem saliran dan pelaksanaan tebatan banjir yang lebih kerap oleh agensi kerajaan,

namun kekurangan peruntukan dan masalah pelaksanaan sering mengakibatkan usaha ini tergendala. Penduduk juga sering mengalami kelewatan dalam menerima bantuan semasa peringkat pasca-bencana.

2. **Bahaya geologi dan iklim:** Penduduk di 25 kawasan Parlimen yang pihak APPGM-SDG telah menjalankan kajian lapangan sedang menghadapi ancaman iklim dan bahaya geologi seperti banjir, kemarau, kenaikan paras laut dan kebakaran. Perubahan cuaca yang mendadak dan sukar diramal, termasuk ribut dan hujan lebat, dihadapi oleh penduduk setempat dan menjejaskan kehidupan seharian mereka. Antaranya adalah penurunan hasil pertanian dan kerosakan sangkar ikan dalam kalangan pesawah, penternak dan nelayan. Kenaikan paras laut juga menyebabkan kehilangan tanah di beberapa kawasan persisiran pantai di Selat Melaka. Selain itu, ancaman keadaan persekitaran geologi seperti tanah runtuh dan hakisan sering berlaku di kawasan berisiko tinggi seperti cerun dan tebing sungai. Risiko ini lebih tinggi di kawasan projek pembangunan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar yang kurang pengawal seliaan yang rapi.
3. **Pencemaran alam sekitar:** Penduduk dari 75 lokasi di 33 kawasan Parlimen dalam lingkungan kajian pihak APPGM-SDG sedang menghadapi pencemaran alam sekitar yang telah menjejaskan kehidupan, kesihatan, dan keselamatan mereka, terutama di sekitar kawasan industri termasuk tapak haram. Lebih daripada separuh kes pencemaran melibatkan sungai yang tercemar oleh sisa industri dan sampah seperti di Merbok, Tampin, Sungai Petani, dan Kepala Batas. Pencemaran alam sekitar lebih ketara di kawasan yang tiada sistem pengurusan sampah yang baik (contohnya Jerlun, Beaufort) dan kawasan berhampiran ladang ternakan (contohnya Kepala Batas, Jelebu) dan kawasan perumahan bersebelahan tapak perindustrian (contohnya Kuala Langat) yang sering mengakibatkan masalah kesihatan awam. Antara golongan rentan yang paling teruk terjejas adalah petani, nelayan, penternak ikan, Orang Asli dan kanak-kanak.
4. **Pengurusan sisa sampah:** Sebanyak 70 lokasi merentasi 44 kawasan Parlimen yang mendapat perhatian penyelidik APPGM-SDG mengalami masalah pembuangan sampah akibat kelemahan dalam mekanisme, pentadbiran dan infrastruktur pengurusan sampah. Kebanyakan kawasan luar bandar dan perkampungan seperti di Sabah, Sarawak, Perak, dan Selangor tidak mempunyai sistem pungutan sampah yang sistematik kerana kebanyakannya berada di luar kawasan pencukaian pihak berkuasa tempatan. Keadaan ini menyebabkan penduduk setempat terpaksa menggunakan kaedah pelupusan sampah alternatif seperti membakar, menanam dan pembuangan ke dalam longkang/sungai yang menyumbang kepada pencemaran, masalah kesihatan dan risiko banjir. Di kawasan bandar seperti PPR dan setinggan, kekurangan infrastruktur dan kesedaran sivik sering merumitkan proses pengurusan sampah.

5. **Sumber air dan sanitasi:** Lebih dari 75 lokasi merentasi 45 kawasan Parlimen dikenal pasti menghadapi cabaran dalam memperoleh bekalan air bersih yang mencukupi untuk kegunaan harian, terutamanya di kawasan luar bandar, yang memberi kesan kepada ekonomi tempatan, sosial dan kesihatan awam. Antara punca-punca yang dikenal pasti adalah ketidaksampaian sistem bekalan air yang khusus dan juga tekanan air yang lemah disebabkan masalah teknikal seperti kebocoran paip, masalah penyelenggaraan loji rawatan dan infrastruktur paip yang usang. Penduduk di kawasan terjejas terpaksa bergantung kepada sumber air alternatif seperti sungai, telaga tiub, mata air, dan air hujan, walaupun kebanyakan sumber ini adalah tidak selamat digunakan kerana ianya tidak dirawat dan sering terjejas akibat pencemaran dan kemarau.
6. **Konflik manusia-hidupan liar dan kemerosotan habitat:** Penduduk setempat telah mengalami kenaikan pertembungan dengan hidupan liar yang sering menimbulkan musibah. Konflik manusia-hidupan liar ini lazimnya melibatkan mamalia kecil seperti kera dan babi hutan yang memasuki kawasan perumahan, perladangan, dan pertanian untuk mencari makanan. Segelintir kes-kes juga melibatkan mamalia besar yang terancam seperti gajah, harimau dan tapir. Faktor-faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kekerapan konflik ini adalah kehilangan dan kemerosotan habitat semula jadi akibat pembukaan tanah dan pengurusan sisa pepejal yang kurang berkesan. Konflik ini telah memberi kesan negatif kepada petani, pesawah, penternak dan nelayan akibat kerosakan hasil tanaman dan ternakan yang dibaham. Jabatan PERHILITAN juga mengalami kekangan yang besar dalam menangani kes-kes tersebut disebabkan kekurangan tenaga manusia, kapasiti, dana dan peralatan.

Huraian lanjut untuk setiap isu di atas boleh dirujuk di dalam **Lampiran 1.2**.

Agensi-agensi kerajaan telah memberikan maklum balas berkaitan dengan bidang kuasa masing-masing. Hasil dapatan daripada sesi perbincangan tersebut telah dihuraikan dengan lebih lanjut di **Bahagian 3** laporan ini. Namun, terdapat beberapa kekangan dalam proses ini. Pertama, skop isu-isu alam sekitar yang terlalu luas dan rumit kerana hasil kajian APPGM-SDG merangkumi 85 kawasan Parlimen dalam tempoh masa empat tahun. Isu-isu ini melibatkan pelbagai aspek daripada segi tema (contoh pengurusan bencana, perubahan iklim, pencemaran, sumber asli, infrastruktur asas dan sebagainya), geografi (contohnya kawasan bandar, luar bandar, persisiran pantai dan lain-lainnya) dan pelbagai agensi-agensi kerajaan di peringkat pusat, negeri dan tempatan. Maka, tempoh masa yang tidak cukup untuk perbincangan yang lebih mendalam tentang isu-isu tersebut.

Kedua, terdapat kekangan untuk mendalami isu-isu berkenaan pengurusan sisa pepejal, tadbir urus pihak berkuasa tempatan dan perancangan bandar dan guna tanah yang mempunyai implikasi besar kepada pengurusan sumber asli dan risiko bencana. Hal ini kerana, Kementerian Ekonomi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) tidak dapat menghadiri perbincangan pada waktu yang ditetapkan. Oleh itu, terdapat beberapa hal yang tidak dapat diulas dengan sepenuhnya pada sesi tersebut terutamanya yang berhubung perkara dan dasar di bawah bidang kuasa agensi tersebut. Berdasarkan kehadiran pada perbincangan tersebut, isu-isu yang diulas adalah hanya yang berkaitan pencemaran alam sekitar termasuk yang berhubung pembuangan sampah sarap, pengurusan bencana banjir dan konflik manusia-hidupan liar. Namun, pihak MySDG-CSI akan melanjutkan perbincangan bersama dengan kementerian-kementerian dalam masa yang terdekat.

### **3. DAPATAN UTAMA: MAKLUM BALAS AGENSI KERAJAAN DAN AHLI PARLIMEN**

Bahagian ini mengetengahkan maklum balas daripada pihak kementerian dan agensi kerajaan untuk isu-isu utama terpilih yang telah dibincangkan serta maklum balas Ahli-ahli Parlimen semasa sesi FGD berlangsung. Walaupun tidak semua isu utama telah dibincangkan secara menyeluruh disebabkan kesuntukan masa, perkara-perkara yang dihuraikan di bawah menunjukkan bahawa kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang telah memberi maklum balas mengetahui akan kewujudan isu-isu berbangkit yang terletak dalam lingkungan bidang kuasa masing-masing dan telah mengambil langkah-langkah untuk menangani masalah-masalah tersebut. Ahli-ahli parlimen pula membuat celahan dan membangkitkan beberapa kekangan yang perlu ditangani oleh pihak pembuat dan pelaksana dasar. Isu-isu yang telah dibincangkan antara Ahli-ahli parlimen dan wakil-wakil kementerian dan agensi kerajaan termasuk pencemaran alam sekitar dan sampah sarap, pengurusan risiko banjir, dan konflik manusia-hidupan liar (lihat **Lampiran 1.3** untuk senarai keseluruhan maklum balas dan cadangan dasar).

#### **3.1 Pencemaran Alam Sekitar dan Sampah Sarap**

Pencemaran alam sekitar terutamanya sungai adalah salah satu isu kritikal yang dikenal pasti Ahli-ahli Parlimen yang hadir terutamanya akibat pelepasan sisa kumbahan dan sisa toksin daripada pelupusan sampah haram di tanah yang tidak diwartakan.

Menurut **Jabatan Alam Sekitar (JAS)**, mereka menjalankan penguatkuasaan berlandaskan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1994 (Akta 172) bagi punca-punca pencemaran industri dan projek berskala besar berdasarkan pengawal seliaan laporan impak alam sekeliling (EIA). Namun, bidang kuasa JAS adalah terhad terhadap sisa berjadual dan pembuangan toksin, manakala isu sampah adalah tertakluk di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Perkara ini dirumitkan oleh ketidaktentuan dalam mengetahui agensi mana yang menguruskan tapak pembuangan haram. Walau bagaimanapun, JAS akan menyiasat dan bertindak jika terdapat pembakaran sampah secara terbuka dan haram, atau aduan berkaitan sisa toksin, di mana siasatan lanjut termasuk analisis sampel oleh Jabatan Kimia akan dijalankan.

Pihak JAS juga menjalankan program penguatkuasaan terhadap kilang-kilang dengan memberi keutamaan kepada kilang yang menerima jumlah aduan yang tinggi dan berpotensi menjadi sumber pencemaran utama. Premis-premis ini dikategorikan mengikut tahap keutamaan, dan tindakan diambil berdasarkan aduan yang diterima. Proses penguatkuasaan bermula dengan pengambilan sampel oleh JAS. Sekiranya pencemaran yang dikesan tertakluk di bawah Akta 172, tindakan lanjut akan diambil. Namun, dalam beberapa kes walaupun pencemaran dikesan tindakan tidak dapat diambil kerana bahan pencemaran tersebut tidak termasuk dalam peruntukan undang-undang semasa. Dalam menangani kelompongan ini, pindaan sedang dijalankan untuk Akta 172 untuk memperkukuh rangka kerja penguatkuasaan dan memberikan pihak JAS punca kuasa tambahan untuk menangani bentuk pencemaran yang kini di luar skop Akta sedia ada.

Dari segi pengawasan dan pensampelan, modus operandi **Jabatan Kimia** adalah menjalankan pemeriksaan analisis kualiti air untuk sampel yang diserahkan oleh pihak JAS dan pemeriksaan biasa mengikut jadual atas ketetapan Kementerian Kesihatan Malaysia. Namun, pemeriksaan tersebut tidak merangkumi skop bahan pencemaran dioksin.

Berdasarkan maklum balas di atas, Ahli-ahli Parlimen telah membangkitkan isu **ketidaktentuan berkenaan bidang kuasa dan mekanisme pelaporan agensi kerajaan dalam menguruskan aduan berkenaan pencemaran**. Menurut Ahli-ahli Parlimen, terdapat aduan yang telah dibuat bertahun-tahun berkenaan masalah bau busuk dan asap terbakar, namun masalah tersebut masih kekal dan berulang-ulang. Maka, perlunya satu dasar untuk mengintegrasikan dan menyelaraskan peranan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk menangani isu pencemaran di peringkat akar umbi dengan lebih berkesan. Cadangan ini juga disokong oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) bahawa isu pencemaran memerlukan tindakan bersepadu dan tanggungjawab bersama, dan bukan ditetapkan sebagai isu pihak JAS sahaja.

Ahli-ahli Parlimen juga berpendapat bahawa terdapat **keperluan untuk memanfaatkan teknologi dan inovasi dalam pengurusan dan pengawasan alam sekitar**. Misalnya, produk dan teknologi adaptasi iklim yang dibangunkan oleh pihak NAHRIM berupaya mengurangkan risiko bencana. Manakala teknologi penderiaan jauh (*remote sensing*) daripada Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) boleh digunakan untuk memantau tapak pembuangan sampah haram atau penebangan hutan di kawasan sensitif alam sekitar sebagai langkah kawal selia yang lebih berkesan.

### 3.2 Pengurusan Risiko Banjir

Isu pengurusan banjir juga dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Pihak **Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)** mengambil maklum bahawa kebanyakan kejadian banjir yang berlaku adalah banjir kilat akibat kegagalan sistem perparitan dalam bandar. Namun, perparitan bukan di bawah pengawal seliaan PETRA atau Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS), kecuali untuk sungai atau sungai yang diubahsuai menjadi longkang besar untuk tebatan banjir.

Sebagai langkah yang lebih bersepadu untuk mengurangkan risiko banjir, pihak PETRA melalui **Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS)** telah membangunkan 33 buah Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) untuk bandar-bandar utama di seluruh Malaysia. Menurut PETRA, pelan tersebut berfungsi sebagai panduan jangka panjang bagi pengurusan air larian hujan yang boleh dirujuk oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam perancangan dan pembangunan tanah.

Sebagai persediaan untuk menghadapi kekerapan dan peningkatan hujan ekstrem kesan daripada perubahan iklim global, pihak PETRA melalui JPS telah membangunkan Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) yang mampu meramalkan banjir tengkujuh tujuh hari lebih awal dan memberi amaran banjir kilat antara satu sehingga tiga jam lebih awal. Menurut PETRA, walaupun persediaan menghadapi musim tengkujuh lazimnya dijalankan pada bulan September dan Oktober setiap tahun, namun penyelenggaraan sungai telah dilaksanakan secara berkala dan berterusan sepanjang tahun. Kerja-kerja seperti pembaikan tebing sungai juga akan disegerakan jika diperlukan. Pihak **Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)** menyatakan bahawa NAHRIM menyediakan produk inovasi yang boleh digunakan oleh semua pihak, contohnya beberapa produk yang boleh mengurangkan pemendapan (*sedimentation*) tebing.

Ahli-ahli Parlimen juga telah membangkitkan isu berkenaan risiko banjir yang meningkat akibat pemendapan dan aktiviti perlombongan pasir di kawasan-kawasan Parlimen. Sebagai maklum balas, PETRA menyatakan bahawa pemberian lesen dan



penguatkuasaan aktiviti perlombongan pasir adalah di bawah kerajaan negeri, manakala pihak JPS hanya sekadar menyediakan garis panduan tanpa bidang penguatkuasaan. Ini menyebabkan terdapat kelompongan dan kekangan kepada JPS untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar peraturan-peraturan berhubung proses pembangunan.

Untuk mengatasi isu ketidaksampaian bantuan kepada petani, penternak, dan pengusaha akuakultur yang terjejas oleh bencana termasuk banjir, pihak **Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)** memberi maklum balas bahawa KPKM telah menyediakan Tabung Bencana Pertanian dan Tabung Bencana Tanaman Padi dengan peruntukan RM50 juta dan RM12 juta bagi tahun 2024. Untuk menjamin pemberian pampasan yang lebih tinggi dan kelestarian pembiayaan, sebuah skim takaful sedang dirancang oleh pihak KPKM dan dijangka dilaksanakan pada hujung tahun 2024.

Sebagai respons kepada maklum balas oleh PETRA dan KPKM, Ahli-ahli parlimen menyatakan bahawa walaupun pelbagai garis panduan, sistem ramalan dan skim bantuan telah disediakan oleh agensi kerajaan di peringkat persekutuan dalam usaha untuk menangani isu banjir, masalah banjir masih kerap berlaku di peringkat tempatan. Salah satu punca utama ialah **kekeliruan bidang kuasa antara pelbagai agensi**. Sebagai contoh, pengurusan air larian dan perparitan di sesebuah kawasan mungkin melibatkan PBT, JPS, serta pemilik tanah persendirian, namun pengawal seliaan parit tersebut sering kali tidak jelas berada di bawah agensi mana. Oleh itu, adalah penting untuk beralih kepada pendekatan yang menyeluruh dan terkoordinasi dalam pengurusan aliran air bagi memastikan keberkesanan jangka masa panjang.

### 3.3 Konflik Manusia-Hidupan Liar

Konflik antara manusia dan hidupan liar sering berpunca daripada pembukaan kawasan baru, terutamanya bagi aktiviti guna tanah. Menurut **Jabatan PERHILITAN**, apabila berlaku pembukaan kawasan baru, konflik ini menjadi lebih ketara. Sejak tahun 2020 hingga pertengahan tahun 2024, PERHILITAN telah menerima lebih 50,000 aduan konflik. Tindakan PERHILITAN bergantung kepada kategori konflik yang dilaporkan kerana tidak semua kes memerlukan tindakan mereka. Bagi menangani isu kera dan babi hutan, PERHILITAN bekerjasama dengan RELA untuk mengambil tindakan bersepadu, termasuklah Program Pemasangan Perangkap Komuniti di mana PERHILITAN menyediakan perangkap dan komuniti tempatan membantu dalam pemantauan. Selain itu, program kesedaran awam dan libat urus turut diadakan bersama penduduk setempat, serta pemantauan dan kawalan dilakukan apabila aduan diterima. Aktiviti penaklukan atau *culling* juga dilakukan apabila populasi haiwan seperti kera dan babi hutan menjadi terlalu tinggi.

Untuk mamalia besar yang terancam seperti harimau dan gajah, PERHILITAN menjalankan sesi libat urus dengan penduduk terkesan, memberi nasihat tentang cara memperkukuh kandang ternakan dan memastikan haiwan ternakan tidak dilepaskan tanpa kawalan. Bagi konflik melibatkan gajah, Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan 2023-2030 telah diperkenalkan, termasuk sistem pagar elektrik untuk melindungi kampung-kampung dari serangan gajah. Menurut **Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)**, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan pada tahun 2024 untuk Bantuan Kerugian Harta Benda akibat serangan gajah. Namun, setakat 30 Jun hanya RM29,000 telah disalurkan, dengan 60 permohonan masih dalam proses siasatan. Di samping itu, Tabung Bantuan Serangan Hidupan Liar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut tersedia untuk membantu mangsa serangan hidupan liar.

Berhubung maklum balas berkenaan bantuan-bantuan yang disenaraikan di atas, Ahli-ahli Parlimen berpendapat bahawa **bantuan kewangan atau pampasan seperti tabung bencana dan konflik hidupan liar perlu diperluaskan skopnya dengan sistem penyampaian yang lebih berkesan**. Ini termasuk mempunyai garis panduan dan penyampaian maklumat yang jelas kepada penduduk daripada segi nilai peruntukan dan had tertentu melayakkan pemberian bantuan serta prosedur dan tempoh masa untuk mendapat bantuan.

#### 4. CADANGAN DASAR DAN JALAN KE DEPAN

Cadangan yang disyorkan adalah hasil daripada pandangan pakar dan perbincangan bersama Ahli-ahli Parlimen, agensi-agensi kerajaan dan wakil daripada pertubuhan sivil yang hadir pada sesi perbincangan fokus dasar. Cadangan-cadangan yang diajukan dapat dibahagikan kepada lima kategori yang berbeza seperti di bawah.

##### 4.1 Tadbir Urus dan Kolaborasi Agensi

Salah satu isu utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen adalah kekurangan koordinasi dan kerjasama antara agensi di peringkat negeri. Oleh itu, **penubuhan sebuah jawatankuasa khas antara agensi negeri dicadangkan** seperti jawatankuasa lembangan sungai (*river basin committee*), yang bertanggungjawab mengawal selia pembangunan dan pencemaran. Jawatankuasa ini akan berfungsi sebagai badan untuk memandu pendekatan keseluruhan kerajaan (*whole of government*). Penubuhan ini selaras dengan inisiatif Jawatankuasa Khas oleh PETRA dan NRES untuk menangani kemerosotan kualiti air sungai kebangsaan. Setakat ini, beberapa negeri seperti Kedah

dan Selangor telah menubuhkan jawatankuasa yang serupa (Lembaga Sumber Air Negeri Kedah, n.d.; Lembaga Urus Air Selangor, 2019) dan langkah ini wajar diperluaskan ke seluruh negara. Bagi lembangan sungai yang merentasi sempadan negeri, sebuah jawatankuasa kerjasama antara negeri boleh ditubuhkan untuk memastikan pengurusan yang lebih berkesan.

Sebagai langkah memperkasakan tadbir urus risiko banjir, **pembentukan sebuah pelan induk dicadangkan untuk menangani isu aliran air (*water flow*)** secara holistik dan bersepadu yang menggariskan tanggungjawab dan bidang kuasa semua agensi yang berkaitan.

Kajian menyeluruh perlu dijalankan bagi menyelaraskan atau mewujudkan punca kuasa atau kuasa tambahan dalam akta-akta berkaitan, seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Akta Perikanan 1985, untuk memastikan keselarasan dan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang berkaitan alam sekitar.

Selain itu, adalah penting untuk mengkaji semula keperluan piawaian pembangunan dan syarat-syarat kebenaran merancang di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), terutamanya berkaitan sistem perparitan dalam proses tukar guna tanah. Penguatkuasaan penggunaan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) juga perlu dipertimbangkan untuk memastikan pengurusan banjir dan sistem saliran yang lebih lestari dan berasaskan-alam dalam pembangunan kawasan-kawasan baru.

## 4.2 Pembiayaan

Antara punca asas risiko banjir, pencemaran dan konflik hidupan liar semakin kerap berlaku adalah disebabkan oleh kebergantungan kerajaan negeri kepada sumber asli dan hutan untuk menjana sumber pendapatan. Maka, dicadangkan untuk **memperkuatkan struktur insentif bagi kerajaan negeri untuk melindungi dan memulihkan Kawasan Sensitif Alam Sekitar** seperti hutan darat, tanah bencha, kawasan tadahan banjir atau rizab sungai. Penguatkuasaan ini dapat dilaksanakan melalui penambahbaikan mekanisme, asas perundangan dan institusi skim Pemindahan Fiskal Ekologi (EFT). Selain itu, kaedah pembiayaan lain juga perlu diperluaskan, termasuk pembiayaan gabungan (*blended financing*), bon hijau atau penjualan karbon kredit yang bermutu tinggi dan mengikuti piawai antarabangsa

### **4.3 Penjadualan Kerja Pembersihan, Garis Panduan Bantuan dan Kekekapan Pengawasan Sungai yang lebih Baik**

Terdapat juga cadangan-cadangan lain yang telah diutarakan secara ringkas oleh Ahli-ahli Parlimen. Pertama, Ahli-ahli Parlimen telah mencadangkan supaya jadual kerja pembersihan sungai dan parit oleh JPS ditingkatkan dari setiap enam bulan kepada setiap tiga bulan, selaras dengan peningkatan kadar kekerapan hujan pada masa kini. Kedua, Ahli-ahli parlimen telah mencadangkan supaya diwujudkan garis panduan yang jelas untuk memohon bantuan tabung bencana KPKM bagi petani, penternak, dan pengusaha akuakultur; dengan mengambil kira dimensi dan keperluan kumpulan rentan (contoh wanita, orang kurang upaya, ibu tunggal dan kumpulan lain yang terdicir). Ketiga, mereka juga mencadangkan penubuhan tabung bantuan yang lebih meluas dan berkesan bagi menangani isu konflik antara manusia dan hidupan liar. Keempat, Ahli-ahli Parlimen mencadangkan supaya pihak kementerian atau agensi yang relevan meningkatkan kekerapan pemeriksaan kadar toksik dioksin di sungai berbanding amalan semasa yang hanya dilakukan sekali setahun, serta mempercepat penghantaran laporan untuk tindakan segera.

## RUJUKAN

Stockholm Resilience Centre. (2016). *The SDGs wedding cake*. <https://www.stockholmresilience.org/research/research-news/2016-06-14-the-sdgs-wedding-cake.html>

Government of Malaysia. (2022). *Malaysia: Fourth biennial update report to the UNFCCC*. United Nations Framework Convention on Climate Change. [https://unfccc.int/sites/default/files/resource/MY%20BUR4\\_2022.pdf](https://unfccc.int/sites/default/files/resource/MY%20BUR4_2022.pdf)

Lembaga Sumber Air Negeri Kedah. (n.d.). Jawatankuasa pengurusan lembangan sungai dan perairan pantai: Majlis sumber air negeri. <https://www.lbank.gov.my/pengurusan/jawatankuasa-pengurusan-lembangan-sungai-dan-perairan-pantai-majlis-sumber-air-negeri-lembaga-sumber-air-negeri-kedah/>

Lembaga Urus Air Selangor. (2019). \*Jawatankuasa pengurusan lembangan sungai dan pantai negeri Selangor\*. <https://www.luas.gov.my/ms/luas/pengurusan/jawatankuasa/jawatankuasa-pengurusan-lembangan-sungai-dan-pantai-negeri-selangor>

## LAMPIRAN 1: RANGKUMAN ISU-ISU UTAMA, MAKLUM BALAS, CADANGAN

### 1.1 Isu-isu berkaitan Alam Sekitar untuk Sesi FDG Pertama bersama Ahli Parlimen dan Agensi, 14hb Mac 2024

NO.	ISU
1.	<p>Banjir yang sering berlaku pada musim tengkujuh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Salah satu penyebab banjir mudah berlaku terutamanya di kawasan kampung (kawasan rendah) disebabkan isu perancangan perbandaran yang tidak mampan. Di mana pembangunan seperti kilang, apartmen, kondominium, perumahan dibina di kawasan yang lebih tinggi daripada kawasan kampung. Perparitan perumahan/Pembangunan di kawasan tinggi tersebut akan mengalir ke kawasan yang lebih rendah di mana kampung berada. Apabila hujan berlaku, saluran tersebut akan menjadi lebih banyak dan mengakibatkan kampung dijadikan tempat takungan air (banjir).</li> </ul>
2.	<p>Sistem perparitan yang tidak di selenggara secara konsisten menyebabkan air tersumbat dan banjir:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Satu parit boleh di bawah kuasa pelbagai pihak menyebabkan penyelenggaraan dan pengurusan sistem perparitan mengambil masa yang lama (atau tidak) diselesaikan. (birokrasi)</li> <li>Contohnya, satu longkang yang ada bidang kuasa JPS, pihak bandar raya dll.</li> </ul>
3.	<p>Pengurusan dan pembuangan sampah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Terdapat isu di mana kilang menjadikan sesuatu tempat sebagai pelupusan sampah haram. Isu ini menjadi lebih rumit apabila pihak kerajaan tempatan tidak dapat mengenakan penalti terhadap kilang tersebut kerana mereka merupakan kilang haram. Di mana tidak ada tindakan mengenai sampah haram dapat dikenakan terhadap mereka.</li> <li>Jika orang tempatan melaporkan isu tersebut kepada pihak polis, samseng akan mengugut orang-orang tempatan.</li> </ul>
4.	<p>Pencemaran air sungai yang menjejaskan kehidupan dalam air dan kualiti air:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Perpecahan sosial (disebabkan migrasi/perpindahan) amat ketara dalam kelompok orang asli disebabkan kawasan hutan mereka terjejas.</li> <li>Dalam golongan di kawasan tersebut, kesukaran mendapat peluang pekerjaan bukan faktor utama malah disebabkan kebanyakan mereka tidak lengkap pendidikan pada peringkat sekolah rendah lagi.</li> </ul>

NO.	ISU
5.	Gangguan binatang liar <ul style="list-style-type: none"> <li>● Habitat binatang terganggu disebabkan penerokaan tanah/hutan/ kawasan habitat binatang-binatang tersebut.</li> </ul>
6.	Masalah saluran dan kualiti air untuk kegunaan harian: <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kerajaan hanya memeriksa kadar toksik dioxin sekali setahun di sungai dan laporan tersebut hanya dihantar sekali setahun. Amalan ini perlu diubah dan pemeriksaan perlu dilakukan lebih kerap. Dengan kehadiran teknologi terkini, kerajaan perlu manfaatkannya dan lakukan pemeriksaan lebih kerap.</li> </ul>
7.	Kes penyakit denggi akibat kawasan persekitaran yang kotor: <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kawasan yang kotor di mana sampah tidak diurus atau perparitan yang tersumbat akan jadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.</li> </ul>
8.	Perubahan iklim yang dirasakan oleh warga rakyat: <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mangsa banjir melaporkan bahawa hujan kini lebih kerap berlaku jika dibandingkan pada tahun terdahulu</li> <li>● Cuaca yang kian tidak menentu memberi kesan negatif kepada golongan petani, nelayan dan penternak kerana proses penghasilan sangat bergantung kepada cuaca</li> </ul>

## 1.2 Isu-isu berkaitan Alam Sekitar untuk Sesi FGD Kedua bersama Ahli Parlimen dan Agensi Kerajaan, 9hb Julai 2024

ISU KEUTAMAAN	PENERANGAN / JUSTIFIKASI	KAWASAN PARLIMEN
Pengurusan Risiko Bencana Banjir	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Antara jenis banjir yang paling kerap dialami adalah banjir kilat, disusuli oleh banjir musim tengkujuh, banjir pantai dan banjir lumpur.</li> <li>● Faktor setempat yang meningkatkan risiko banjir: kapasiti dan penyelenggaraan sistem perparitan dan saluran. Faktor lain adalah aktiviti pembalakan, perubahan iklim dan geografi.</li> <li>● Banjir merosakkan harta benda mangsa banjir, dan menjadi bebanan kewangan kepada mereka dari golongan rentan seperti penternak dan petani yang mengalami kerosakan tanaman dan hasil.</li> <li>● Kawasan rendah, dataran banjir, dan berhampiran sungai paling rentan terhadap banjir, terutamanya semasa musim tengkujuh menyebabkan penduduk lebih terancam.</li> </ul>	<p>2020 - Pendang, Kuching, dan Batang Sadong</p> <p>2021 - Kubang Pasu, Batu Kawan, Permatang Pauh, Ipoh Barat, Pasir Mas, Temerloh, Indera Mahkota Kuala Selangor, Muar, Tawau, Kota Belud, Batang Lupar, dan Hulu Rajang</p> <p>2022 - Parit Buntar, Gua Musang, Kuala Krai, Setiu, Kuantan, Paya Besar, Bera, Cheras, Tampin, Tebrau, Kalabakan, Baram, dan Serian</p> <p>2023 - Sungai Petani, Kepala Batas, Taiping, Sungai Siput, Tambun, Rantau Panjang, Tanah Merah, Kemaman, Ampang,</p>



ISU KEUTAMAAN	PENERANGAN / JUSTIFIKASI	KAWASAN PARLIMEN
		Kuala Langat, Jelebu, Masjid Tanah, Kluang, Kudat, Ranau, Beluran, Sandakan, dan Julau  Jumlah: 49 kawasan parlimen
Bahaya Geologi dan Perubahan Iklim	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penduduk mengalami cuaca ekstrem seperti ribut, angin kencang, hujan lebat, dan kepanasan yang sukar diramal, selari dengan pola perubahan iklim global.</li> <li>● Komuniti petani mengalami kemerosotan hasil, manakala nelayan menghadapi kerosakan sangkar dan kolam.</li> <li>● Bahaya geologi seperti tanah runtuh dan hakisan kerap berlaku di kawasan berisiko tinggi seperti cerun, tebing sungai, dan lereng bukit, dan berhubung dengan pengawal seliaan pembangunan.</li> <li>● Projek perumahan dan pertanian di cerun meningkatkan risiko tanah runtuh dan hakisan, membahayakan keselamatan penduduk.</li> <li>● Penduduk pantai mengalami kehilangan tanah akibat kenaikan paras laut.</li> </ul>	2021 – Batu Kawan, Pasir Mas, Kuala Selangor, Simpang Renggam, Muar, dan Tawau  2022 – Parit Buntar, Gua Musang, Kuala Krai, Setiu, Kuantan, Paya Besar, Bera, Cheras, Tenom, dan Keningau  2023 – Sungai Petani, Kepala Batas, Sungai Siput, Kuala Kangsar, Rantau Panjang, Kemaman, Ampang, Kluang, dan Ranau  Jumlah: 24 kawasan parlimen

ISU KEUTAMAAN	PENERANGAN / JUSTIFIKASI	KAWASAN PARLIMEN
Pencemaran Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Lebih separuh daripada kes-kes pencemaran melibatkan sungai, berpunca daripada sisa kilang, ladang, sampah, dan air kumbahan.</li> <li>● Kawasan berhampiran ladang ternakan menghadapi pencemaran bau, udara, dan sungai daripada sisa ladang.</li> <li>● Tapak perindustrian berhampiran kawasan perumahan dan sekolah menyebabkan masalah kesihatan dan risiko penyakit.</li> <li>● Pembuangan sampah-sarap merata-rata dan ke dalam sungai akibat air larian hujan sering berlaku di kawasan yang tiada sistem pengurusan sampah yang khusus</li> <li>● Petani, nelayan, penternak ikan, warga emas, kanak-kanak, dan komuniti Orang Asli adalah kumpulan yang paling terjejas.</li> </ul>	<p>2020 – Tanjung Piai</p> <p>2021 - Permatang Pauh, Temerloh, Indera Mahkota, Simpang Renggam, Muar, Tawau, Selangau, dan Batang Lupar</p> <p>2022 – Jerlun, Merbok, Gua Musang, Kuala Krai, Kuantan, Bera, Cheras, Tampin. Tangga Batu, Tebrau, Beaufort, Tenom, Lahad Datu, dan Serian</p> <p>2023 - Sungai Petani, Kepala Batas, Sungai Siput, Tambun, Tanah Merah, Kemaman, Kuala Langat, Jelevu, Masjid Tanah, Kluang, dan Ranau</p> <p>Jumlah: 33 kawasan parlimen</p>
Pengurusan Sisa Pepejal	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Masalah pembuangan sampah sering berpunca dari kekurangan sistem pengurusan sampah, pentadbiran yang lemah, dan infrastruktur yang tidak mencukupi.</li> </ul>	<p>2020 – Pendang, Kuching, Selayang, Tanjung Piai, Papar, dan Pensiangan</p>

ISU KEUTAMAAN	PENERANGAN / JUSTIFIKASI	KAWASAN PARLIMEN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kebanyakan kawasan tidak mempunyai sistem pemungutan sampah khusus, terutamanya di kawasan luar bandar yang terletak di luar kawasan pencucuaian PBT.</li> <li>● Kutipan sampah yang tidak konsisten dan kekurangan tong sampah menyebabkan pencemaran dan menjejaskan kebersihan.</li> <li>● Penduduk menggunakan kaedah alternatif seperti pembakaran atau membuang sampah ke sungai menyebabkan air sumbat semasa hujan dan mencemarkan air dan hasil nelayan.</li> </ul>	<p>2021 - Kubang Pasu, Batu Kawan, Pasir Mas, Temerloh, Kuala Selangor, Lembah Pantai, Simpang Renggam, Muar, Libaran, Tawau, Kota Belud, dan Batang Lupar</p> <p>2022 - Merbok, Kuala Krai, Setiu, Kuantan, Tampin, Tebrau, Beaufort, Tenom, Kalabakan, Keningau, Lahad Datu, dan Kota Marudu</p> <p>2023 - Sungai Petani, Taiping, Sungai Siput, Tambun, Rantau Panjang, Tanah Merah, Ampang, Kuala Langat, Kepong, Jelebu, Masjid Tanah, Kluang, Pontian, Kudat, Ranau, Beluran, dan Sandakan</p> <p>Jumlah: 42 kawasan parlimen</p>
Sumber Air dan Sanitasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Masalah mendapatkan bekalan air bersih yang mencukupi, terutamanya di kawasan luar bandar memberi kesan kepada ekonomi, sosial, dan kesihatan penduduk.</li> </ul>	2020 - Bentong, Jeli, Papar, dan Pensiangan,

ISU KEUTAMAAN	PENERANGAN / JUSTIFIKASI	KAWASAN PARLIMEN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kawasan yang terjejas tidak mempunyai sistem bekalan air yang khusus dan dibelenggu oleh kebocoran paip, masalah penyelenggaraan, dan kapasiti loji rawatan air.</li> <li>● Penduduk terpaksa bergantung kepada sumber air alternatif seperti air tandak, perigi, air hujan dan air bukit tetapi sumber air ini tidak dirawat dan selamat untuk kegunaan awam.</li> <li>● Sebilangan kawasan juga menghadapi masalah sanitasi di mana penduduk berhadapan dengan air kumbahan dan najis.</li> </ul>	<p>2021 - Batang Sadong, Kubang Pasu, Sik, Pasir Mas, Indera Mahkota, Libaran, Tawau, Kota Belud, dan Selangau</p> <p>2022 - Beluran, Tampin, Parit Buntar, Hulu Rajang, Merbok, Gua Musang, Paya Besar, Bera, Tangga Batu, Tebrau, Beaufort, Keningau, Lahad Datu, Baram, Igan, Serian, dan Tanjung Manis</p> <p>2023 - Kudat, Ranau, Kuala Langat, Kluang, Pontian, Sandakan, Julau, Batang Lupar, Sungai Petani, Rantau Panjang, dan Tanah Merah</p> <p>Jumlah: 41 kawasan parlimen</p>
Konflik-Manusia Hidupan Liar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Peningkatan konflik manusia-hidupan liar, terutama melibatkan kera dan babi hutan di perumahan, ladang, dan pertanian.</li> <li>● Konflik juga melibatkan mamalia terancam seperti gajah, harimau belang, tapir, harimau kumbang, dan beruang matahari di kawasan <i>'hotspot'</i> kehidupan liar.</li> </ul>	<p>2020 - Pendang</p> <p>2021 - Sik, Indera Mahkota, Simpang Renggam, Muar, dan Kota Belud</p>

ISU KEUTAMAAN	PENERANGAN / JUSTIFIKASI	KAWASAN PARLIMEN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Peningkatan konflik disebabkan oleh pengurusan sisa pepejal yang tidak rapi dan kemerosotan habitat semula jadi akibat pembalakan, perlombongan, dan perladangan yang tidak terkawal.</li> <li>● Sistem pemungutan sampah yang lemah di kawasan mengundang kera dan babi hutan mencari makanan dan tempat teduh, menyebabkan mereka menceroboh kawasan manusia.</li> <li>● Petani, pesawah, penternak, dan nelayan terjejas oleh kerosakan tanaman dan ternakan, sementara PERHILITAN kekurangan kapasiti untuk menangani peningkatan kes konflik.</li> </ul>	<p>2022 - Setiu, Kuantan, Paya Besar, Tampin, Tangga Batu, Tebrau, Kelabakan, dan Lahad Datu</p> <p>2023 – Sungai Petani, Taiping, Sungai Siput, Tambun, Rantau Panjang, Tanah Merah, Kemaman, Jelebu, Pontian, Kudat, dan Beluran</p> <p>Jumlah: 27 kawasan parlimen</p>

### 1.3 Senarai Maklum Balas dan Cadangan Dasar daripada Agensi-agensi Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen, 9hb Julai 2024

NO.	ISU	MAKLUM BALAS	CADANGAN
<b>1. Isu Rentas Bidang</b>			
1.	Pengagihan kuasa antara kerajaan pusat dan negeri yang menyukarkan tadbir urus alam sekitar secara efektif terutama dalam pengurusan sumber asli, tanah dan hutan.	-	Memperkukuhkan struktur insentif bagi kerajaan negeri untuk memelihara hutan, kawasan tadahan banjir, rizab sungai melalui mekanisme pengagihan dana seperti Pemindahan Fiskal Ekologi (EFT) dan mewujudkan kaedah untuk meluaskan sumber pembiayaan yang lain.
<b>2. Pencemaran Alam Sekitar</b>			
2a	Pencemaran alam sekitar dan aktiviti kilang disebabkan pertindihan atau ketidaktentuan bidang kuasa agensi-agensi kerajaan dalam menguruskan aduan berkenaan pencemaran.	JAS menjalankan penguatkuasaan dan pemantauan kualiti sungai melalui pelbagai program, termasuk penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Akta 127) terhadap punca-punca pencemaran industri dan projek berskala besar. Tetapi JAS memerlukan kerjasama agensi kerajaan dan pihak berkaitan untuk projek kecil.  Tindakan penguatkuasaan terhadap kilang-kilang diberi keutamaan berdasarkan aduan dan tahap pencemaran, dengan usaha	Menubuhkan jawatankuasa khas antara agensi-agensi negeri seperti ' <i>river basin committee</i> ' untuk mengawal selia pembangunan dan pencemaran yang berfungsi sebagai platform untuk ' <i>whole of government</i> ' approach (seperti Jawatankuasa Khas bagi menangani kemerosotan air sungai kebangsaan oleh PETRA dan NRES).  Menjalankan kajian untuk menyelaraskan atau mewujudkan punca kuasa dalam akta-akta

NO.	ISU	MAKLUM BALAS	CADANGAN
		sedang dilakukan untuk memperbaiki akta melalui pindaan fasa 2 untuk menambah skop pencemaran.	berkaitan seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
2b	Pelupusan sampah haram dan pengurusan sisa pepejal.	Mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling, JAS bertanggungjawab terhadap sisa berjadual dan pembuangan toksik, manakala isu sampah biasa adalah di bawah pihak berkuasa tempatan. Namun, JAS akan menyasat dan mengambil tindakan jika terdapat pembakaran terbuka sampah haram, dan jika sisa toksik ditemui, mereka akan menjalankan siasatan lanjut termasuk analisis sampel oleh Jabatan Kimia.	Mempercepatkan penggunaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di peringkat negeri untuk menyelaraskan pengurusan sampah.
<b>3. Pengurusan Risiko Bencana Banjir</b>			
3a	Banjir-banjir yang berlaku pada masa kini adalah akibat daripada banjir kilat iaitu daripada kegagalan sistem perparitan dalam bandar.	Perparitan bukan di bawah bidang kuasa PETRA atau JPS, namun jika sungai di kawasan bandar telah menjadi longkang besar, ia berada di bawah seliaan JPS.  Untuk menghadapi perubahan iklim dan peningkatan hujan, PETRA melalui JPS telah membangunkan Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) yang mampu meramalkan banjir monsun hingga 7 hari	Menyediakan satu pelan induk untuk menangani isu aliran air ( <i>water flow</i> ) secara holistik dan bersepadu yang menggariskan tanggungjawab, bidang kuasa dan peranan semua agensi yang berkaitan.

NO.	ISU	MAKLUM BALAS	CADANGAN
		lebih awal dan memberi amaran banjir kilat 1-3 jam lebih awal.	
3b	Kerja-kerja pembersihan sungai yang tidak mencukupi dan seiring dengan tahap risiko menghadapi banjir.	Persediaan untuk monsun biasanya dilakukan pada bulan September dan Oktober, namun penyelenggaraan sungai dilaksanakan secara berkala dan berterusan sepanjang tahun, dengan kerja-kerja seperti pembaikan tebing disegerakan jika diperlukan.	Penjadualan kerja-kerja pembersihan sungai dan parit ditambah ke 3 bulan sekali dari 6 bulan sekali oleh JPS disebabkan kekerapan penurunan hujan pada masa kini.
3c	Pemendapan dan isu pengorekan pasir yang meningkatkan risiko bencana dan banjir.	<p>JPS telah membangunkan 33 Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) sebagai panduan jangka panjang bagi pengurusan air larian hujan yang boleh dirujuk oleh PBT dalam perancangan Pembangunan.</p> <p>Pelesenan dan penguatkuasaan pengorekan pasir adalah di bawah kerajaan negeri, manakala JPS hanya menyediakan garis panduan yang tidak wajib dipatuhi, menyebabkan terdapat kekosongan dalam aspek penguatkuasaan.</p>	Mengkaji keperluan dalam piawai pembangunan dan syarat kebenaran merancang di peringkat PBT seperti keperluan sistem perparitan semasa proses tukar guna tanah atau menguatkuasakan penggunaan garis panduan pengorekan pasir dan PISMA



NO.	ISU	MAKLUM BALAS	CADANGAN
3d	Bantuan kepada golongan-golongan rentan seperti petani dan nelayan semasa pasca-bencana.	KPKM telah menyediakan Tabung Bencana Pertanian dan Tabung Bencana Tanaman Padi dengan peruntukan RM50 juta dan RM12 juta bagi tahun 2024, serta merancang skim takaful dengan pampasan lebih tinggi, yang dijangka dilaksanakan akhir tahun ini, untuk membantu petani, penternak, dan pengusaha akuakultur yang terjejas oleh bencana.	Memberi penjelasan tentang garis panduan bantuan bencana dengan lebih jelas bagi tujuan memohon bantuan tabung bencana KPKM kepada golongan petani, penternak dan pengusaha akuakultur di peringkat akar umbi.
<b>4. Konflik Manusia Dan Hidupan Liar</b>			
4.	Konflik manusia dan hidupan liar yang berpunca daripada pembukaan kawasan baru untuk pembangunan mengakibatkan kemusnahan dan kemerosotan habitat semula jadi.	PERHILITAN telah menerima lebih 50,000 aduan sejak 2020 dan menilai kategori konflik sebelum bertindak. Untuk kera dan babi hutan, PERHILITAN bekerjasama dengan RELA, memasang perangkap komuniti, menjalankan program kesedaran, serta memantau dan mengawal populasi. Bagi harimau dan gajah, mereka melibatkan penduduk, memberi nasihat untuk mengukuhkan kurungan ternakan, dan melaksanakan NECAP 2.0, termasuk memasang pagar elektrik. NRES mempunyai RM10 juta untuk Bantuan Kerugian Harta	Menubuhkan tabung-tabung bantuan untuk isu konflik antara manusia dan hidupan liar dengan lebih meluas dan berkesan untuk memanfaatkan dana RM 10 juta/setahun.

NO.	ISU	MAKLUM BALAS	CADANGAN
		Benda akibat serangan gajah, tetapi hanya RM29,000 telah disalurkan hingga 30 Jun, dengan 60 permohonan masih disiasat, dan JKM turut menyediakan Tabung Bantuan Serangan Hidupan Liar.	

**LAMPIRAN 2: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR PERTAMA – 14hb Mac 2014**

<b>NO.</b>	<b>AHLI PARLIMEN</b>	<b>ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL</b>
1	YB Puan Young Syefura binti Othman - Bentong	APPGM-SDG
2	YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy - Kota Belud	Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia
3	YB Dr. Hajah Halimah binti Ali - Kapar	Malaysian CSO-SDG Alliance
4	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas - Mersing	

**LAMPIRAN 3: SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN DAN KEMENTERIAN, JABATAN, AGENSI KERAJAAN UNTUK PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS DASAR KEDUA – 9hb Julai 2024**

<b>NO.</b>	<b>AHLI PARLIMEN</b>	<b>KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN</b>
1	YB Puan Young Syefura binti Othman - Bentong	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
2	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas - Mersing	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS)
3	YB Dr. Hajah Halimah Ali - Kapar	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
4	YB Tuan Haji Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan - Permatang Pauh	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
5	YB Chiew Choon Man - Miri	Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia)
6		APPGM-SDG



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPM-023-14-07012020)

📍 A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen  
8 Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ [secretariat@appgm-sdg.com](mailto:secretariat@appgm-sdg.com)

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>